Dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah Fizik, ditekankan pendekatan STEM dalam pengajaran dan pembelajaran Sains khususnya Fizik. Pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai STEM melalui inkuiiri, penyelesaian masalah harian, alam sekitar dan masyarakat global (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2018).

Pendekatan STEM dalam pengajaran dan pembelajaran melibatkan pengaplikasian pengetahuan, kemahiran dan nilai STEM bagi menyelesaikan sesuatu masalah dalam konteks kehidupan seharian, masyarakat dan alam sekitar seperti dalam Rajah 1.1. Pendekatan ini menggalakkan pelajar bertanya dan meneroka persekitaran melalui inkuiiri dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan dunia sebenar ke arah membudayakan amalan STEM (Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, 2016b). STEM terdiri daripada empat domain utama iaitu (*S=Science, T=Teknology, E=Engineering & M=Mathematics*) (Kelley & Knowles, 2016).





Rajah 1.1. STEM Sebagai Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran, Diadaptasi dari (Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, 2016)

Sistem pendidikan negara juga perlu mengorak langkah ke arah pengajian yang berteraskan STEM agar proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih bersifat interaktif dan fleksibel (Rosnah Ishak & Mahaliza Mansor, 2020). Sistem pendidikan negara yang diintegrasikan dengan pendekatan STEM amat penting pada masa kini terutama apabila negara dilanda pandemik *Corona Virus Disease 2019 (COVID-19)* agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan lancar. Pengintegrasian teknologi serta integrasi STEM dalam pendidikan akan dapat memberi transformasi yang besar dari segi kebijaksanaan dan cara berfikir serta belajar bagi sesorang pelajar (Gopalan et al., 2017).

Melalui integrasi STEM dalam sistem Pendidikan negara akan menghasilkan pelajar yang dapat berfikir kreatif bagi menyelesaikan sesuatu masalah dan akan menghasilkan tenaga kerja yang mahir serta berdaya saing (Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, 2016a; 2018). Kemahiran berfikir kreatif akan menghasilkan pelajar



yang mempunyai kreativiti yang tinggi melalui reka cipta sesuatu produk selari dengan Teori Konstruktionisme yang menekankan pembelajaran melalui penghasilan produk berdasarkan kreativiti pelajar (Ackermann, 2001; Norhaqikah Mohd Khalil & Kamisah Othman, 2017; Papert & Harel, 1991)

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Fizik (KSSM Fizik) dibina berdasarkan enam tunjang iaitu Komunikasi, Kerohanian, Sikap dan Nilai Kemanusiaan, Keterampilan Diri, Perkembangan Fizikal dan Estetika serta Sains dan Teknologi. Tunjang Sains dan Teknologi dalam pendidikan Fizik ditekankan dalam KSSM Fizik bagi melahirkan pelajar yang dapat berfikir secara kreatif sebagaimana Jadual 1.2.

### Jadual 1 .2



#### *Kemahiran Berfikir Kreatif KSSM Fizik*

---

#### **Kemahiran Berfikir Kreatif**

---

- Menjana idea
- Menghubungkait
- Membuat inferens
- Meramalkan
- Membuat hipotesis
- Mensintesiskan
- Mereka cipta

---

Diadaptasi dari (Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, 2018)





Kemahiran berfikir kreatif merupakan keupayaan pelajar untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu bahan ataupun produk melalui aplikasi teori dan konsep yang telah dipelajari serta menggunakan daya imaginasi dan berfikir di luar kotak bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan (Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, 2018). Kemahiran berfikir kreatif merupakan pembelajaran melalui reka cipta sesuatu produk bagi menyelesaikan sesuatu masalah dan meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu pembelajaran. Kemahiran berfikir kreatif yang mempunyai elemen reka cipta ini adalah selari dengan Teori Konstruktionisme yang menegaskan bahawa pembinaan idea-idea baru berlaku sekiranya pelajar terlibat dalam pengeluaran artifik-artifik di dunia nyata (Papert, 1991).



balas serta kemahiran berfikir kreatif pelajar, sistem pendidikan juga perlu berteraskan asas Sains dan Teknologi untuk mencapai hasrat Malaysia menjadi negara maju.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Proses pengajaran dan pembelajaran amali Fizik menggabungkan konsep Fizik dan amali. Aktiviti makmal memainkan peranan penting dalam menyokong pembelajaran bidang saintifik dengan membolehkan pelajar memperoleh kemahiran praktikal melalui aktiviti amali dan sekaligus menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap



teori (Aljuhani et al., 2018). Amali Fizik telah menjadi sebahagian daripada pembelajaran Fizik selama bertahun-tahun (Sarjono et al., 2018; Wibowo et al., 2019). Semasa pembelajaran amali Fizik, pelajar dapat mengaitkan amali yang dilakukan dengan teori Fizik yang telah dipelajari. Pengajaran amali di makmal bukan sahaja memberi pembelajaran tetapi juga dapat memberi dimensi baru kepada pelajaran (Aljuhani et al., 2018; Tatli & Ayas, 2012) dan ianya memerlukan perancangan yang teliti dan baik serta aplikasi Sains dan Teknologi untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, didapati pencapaian Fizik pelajar antara tahun 2017 sehingga 2019 Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memperlihatkan kemerosotan bilangan pelajar yang cemerlang atau mendapat gred A+, A mahupun A- dan juga berdasarkan gred purata mata pelajaran (GPMP) Fizik antara 2017 sehingga 2019 juga mendapati pencapaian pelajar dalam SPM mengalami kemerosotan (Lembaga Peperiksaan Malaysia , 2019, 2020). Kemerosotan pencapaian pelajar dalam Fizik menunjukkan bahawa kurangnya kefahaman pelajar terhadap konsep Fizik dan amali Fizik (Edy Hafizan Mohd Shahali et al., 2017; Fatin Aliah Phang et al., 2014; Nur Hazwani Zakaria et al., 2017; Nurzatulshima Kamarudin & Lilia Halim, 2014). Selain itu, pelajar merasakan mata pelajaran Fizik merupakan mata pelajaran yang sangat sukar untuk dipelajari disebabkan mata pelajaran ini merangkumi teori dan konsep yang abstrak yang perlu difahami oleh pelajar di samping penyelesaian masalah yang memerlukan aplikasi pengiraan Matematik (Noraziah Ramli, 2016). Selain daripada pencapaian berkaitan konsep dan teori Fizik, pelajar dan guru turut mempunyai kekangan dari aspek pembelajaran amali Fizik (Fatin Aliah Phang et al., 2014; Lilia Halim & Subahan Mohd Meerah, 2016).



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bertujuan untuk mempersiapkan pelajar dengan kemahiran untuk menghadapi cabaran Sains dan Teknologi (KPM, 2018). Selain itu, PPPM 2013-2025 juga mempunyai objektif untuk memastikan bahawa Malaysia mempunyai bilangan graduan STEM yang berkelayakan (KPM, 2018). Negara Malaysia amat menitikberatkan kepentingan STEM terutama terhadap pelajar di sekolah dengan fokus untuk mencetuskan dan memupuk minat pelajar melalui aktiviti yang dapat merangsang rasa ingin tahu. Berdasarkan Panduan Pelaksanaan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran, Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM (2016), di pendidikan menengah rendah tumpuannya adalah untuk mengembangkan pelajar melalui aktiviti yang melibatkan penganalisisan masalah tempatan dan global serta penyelesaian kepada masalah berkenaan. Manakala, di peringkat menengah atas, aktiviti pengukuhan dan pengayaan kemahiran STEM akan diberikan keutamaan. Guru juga menghadapikekangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran amali Fizik disebabkan pengajaran amali masih dijalankan secara konvensional tanpa diberi nafas baru iaitu tanpa menyuntik elemen STEM dalam pengajaran amali (Fatin Aliah Phang et al., 2014; Khairunnisa Darus et al., 2016; Kamsi et al., 2019; Nur Hazwani Zakaria et al., 2017). Di samping itu, guru dan pelajar masih kurang kesedaran mengenai STEM iaitu mereka merasakan kesukaran pengajaran dan pembelajaran berteraskan STEM di samping infrastruktur atau bahan pengajaran dan pembelajaran STEM yang terhad (Azian Tengku Syed Abdullah, 2015; Nur Rosliana Mohd Hafiz & Shahrul Kadri Ayop, 2020). Tambahan pula, sebilangan guru juga kekurangan pengetahuan dalam mata pelajaran Sains dan Matematik (Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, 2016b; Laksmiwati et al., 2020) serta tidak mempunyai kepakaran untuk menjalankan aktiviti pembelajaran berdasarkan projek STEM (Nur Rosliana Mohd Hafiz & Shahrul Kadri





Ayop, 2020; Nur Farhana Ramli & Othman Talib, 2018). Keadaan ini turut menyumbang kepada kekurangan bahan pengajaran yang mengintegrasikan pendekatan STEM (Azian Tengku Syed Abdullah, 2015; Edy Hafizan et al., 2017; Lilia Halim & Subahan Mohd Meerah, 2016).

Terdapat banyak kajian terdahulu yang telah menjalankan kajian pembangunan modul amali Fizik bagi pelajar. Namun, kebanyakan modul amali yang telah dibangunkan oleh penyelidik terdahulu masih terhad kepada satu topik pengajaran dan pembelajaran Fizik sahaja (Kok, 2017; Nurul Aina Syakirah Binti Zainal Abidin, 2020; Siti Rohaida Hashim, 2017; Susdarwati et al., 2021). Selain itu, modul amali Fizik yang telah dibangunkan sebelum ini banyak mengaplikasikan kemahiran menyelesaikan masalah *“Problem Based Learning”* (*PBL*), namun tidak menambahkan integrasi STEM dalam kajian tersebut (Bahaudin et al., 2019; Nurdiyah Lestari et al., 2020).

Tambahan lagi, kebanyakan modul pembelajaran yang telah dibangunkan lebih menekankan pembelajaran aktif, kendiri dan berpusatkan pelajar selari dengan Teori Konstruktivisme (Chou, 2020; Nor Baizura Nordin, Harshiny Nalliah, Wan Nur Aishah Maulat Wan Subhe, 2019; Torres et al., 2015). Namun, masih didapati kurang kajian mengenai fokus reka bentuk kejuruteraan teknologi (kemahiran mereka cipta dan kemahiran berfikir kreatif) bagi menghasilkan sesuatu produk bagi menyelesaikan sesuatu masalah penting yang perlu ditangani (Alanazi, 2016; Lin et al., 2021). Kekurangan kajian mengenai kemahiran berfikir kreatif pelajar iaitu mereka cipta produk bagi menyelesaikan sesuatu masalah menunjukkan kurangnya aplikasi Teori



Konstruktionisme bagi pembangunan sesuatu modul pembelajaran. Menurut Alanazi (2016) kajian lanjut diperlukan tentang keberkesanan metodologi pengajaran berdasarkan Teori Konstruktivisme dan Teori Konstruktionisme bagi memastikan pendekatan mana yang paling berkesan untuk persekitaran pembelajaran. Terdapat juga beberapa penyelidik Brown & Campione (1994) dan Kirschner et al., (2006) yang menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Teori Konstruktivisme sahaja akan menghasilkan pengajaran yang kurang berkesan dan perlu ditampung oleh satu teori yang lain bagi menghasilkan pembelajaran yang sistematik dan berkesan terhadap pelajar.

Berdasarkan pernyataan masalah tersebut, maka Modul Makmal Interaktif i-Lab

Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM dibangunkan berdasarkan gabungan dua teori pembelajaran iaitu Teori Konstruktivisme dan Teori Konstruktionisme. Kedua-dua teori ini saling memerlukan bagi memastikan pembelajaran modul dengan integrasi STEM dan mempunyai elemen reka cipta dilaksanakan. Selain itu, integrasi STEM dalam kajian berdasarkan pembelajaran berasaskan projek, *Engineering Design Process (EDP)* serta kemahiran berfikir kreatif bagi menghasilkan pelajar yang dapat menyelesaikan sesuatu permasalahan yang dihadapi (Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, 2018). Pembelajaran amali yang terdapat dalam kajian ini turut meningkatkan kefahaman pelajar terhadap teori Fizik (Fatin Aliah Phang et al., 2014; Khairunnisa Darus et al., 2016). Melalui pembangunan Modul i-Lab ini diharapkan dapat meningkatkan pencapaian serta kemahiran berfikir kreatif pelajar bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan yang diberikan.



## 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini adalah untuk membangunkan Modul Makmal Interaktif (i-Lab) Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM iaitu sebuah modul yang terdiri daripada pengajaran dan pembelajaran teori Fizik dan amali Fizik serta projek STEM. Modul i-Lab juga diuji keberkesanannya terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir kreatif pelajar .

## 1.5 Objektif Kajian



Kajian ini adalah bertujuan untuk membangunkan Modul Makmal Interaktif (i-Lab) Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM serta menguji keberkesanannya terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir kreatif pelajar. Objektif kajian ini adalah seperti berikut;

- i) Mereka bentuk dan membangunkan Modul Makmal Interaktif (i-Lab) Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM.
- ii) Menguji keberkesanan Modul Makmal Interaktif (i-Lab) Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM terhadap pencapaian pelajar tingkatan empat bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.



- iii) Menguji keberkesanan Modul Makmal Interaktif (i-Lab) Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM terhadap kemahiran berfikir kreatif pelajar Fizik tingkatan empat bagi kumpulan rawatan.
- iv) Mengenal pasti hubungan antara pencapaian pelajar dengan kemahiran berfikir kreatif setelah mengalami pembelajaran Modul i-Lab bagi kumpulan rawatan.

## 1.6 Persoalan Kajian

Bagi menjawab objektif kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dibentuk. Antara persoalan kajian ini ialah:

- i) Adakah Modul Makmal Interaktif (i-Lab) Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM yang dibangunkan mempunyai kesahan dan kebolehgunaan yang memuaskan?
- ii) Adakah Modul Makmal Interaktif (i-Lab) Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM yang dibangunkan memberi kesan terhadap pencapaian pelajar tingkatan empat bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
- iii) Adakah Modul Makmal Interaktif (i-Lab) Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM yang dibangunkan memberi kesan terhadap kemahiran berfikir kreatif pelajar Fizik tingkatan empat bagi kumpulan rawatan?

- iv) Adakah terdapat hubungan antara pencapaian pelajar dengan kemahiran berfikir kreatif setelah mengalami pembelajaran Modul i-Lab bagi kumpulan rawatan?

## 1.7 Hipotesis Kajian

Berikut merupakan hipotesis bagi kajian pembangunan Modul Makmal Interaktif (i-Lab) Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM serta keberkesanannya terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir kreatif pelajar.

**H<sub>01</sub>** Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam skor ujian pra teori Fizik antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan.

**H<sub>02</sub>** Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam skor ujian pasca teori Fizik dengan skor ujian pra teori Fizik bagi kumpulan rawatan.

**H<sub>03</sub>** Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam skor ujian pasca teori Fizik dengan skor ujian pra teori Fizik bagi kumpulan kawalan.

**H<sub>04</sub>** Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam pencapaian teori Fizik pelajar (perbezaan skor ujian pasca teori Fizik dengan skor ujian pra teori Fizik) antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan.



- H<sub>05</sub>** Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam pencapaian amali Fizik pelajar antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan.
- H<sub>06</sub>** Tidak terdapat kesan dalam kemahiran berfikir kreatif pelajar setelah mengalami pembelajaran Modul i-Lab bagi kumpulan rawatan.
- H<sub>07</sub>** Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara pencapaian pelajar dengan kemahiran berfikir kreatif pelajar setelah mengalami pembelajaran Modul i-Lab bagi kumpulan rawatan.

## 1.8 Kerangka Teoritikal



Kerangka Teoritikal merupakan satu set gambar rajah yang memandu kepada proses penyelidikan yang menghubungkan antara beberapa idea dan komponen penyelidikan serta mencakupi aliran teori kajian yang digunakan dalam kajian (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Terdapat dua teori yang mendasari kajian ini iaitu Teori Konstruktivisme dan Teori Konstruktionisme. Teori Konstruktivisme merupakan teori yang dipilih bagi mendasari kajian ini dengan mengaplikasikan pembelajaran yang menggunakan modul kendiri serta berpusatkan pelajar dengan maklum balas serta guru hanya bertindak sebagai fasilitator. Teori Konstruktionisme turut diaplikasikan dalam kajian ini disebabkan teori ini mementingkan kemahiran berfikir kreatif pelajar dalam penghasilan produk dan elemen mereka cipta dalam kalangan pelajar seiring dengan projek STEM yang diperkenalkan dalam kajian ini. Kajian ini menerapkan Model Reka Bentuk dan Pembelajaran Isman (Isman, 2011) bagi mendasari setiap fasa dalam kajian



ini. Selain itu, kajian ini mengadaptasi Model Pengajaran 5E (Bybee, 2019) yang amat sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran STEM. Jadual 1.3 menerangkan secara ringkas disiplin STEM yang diaplikasikan dalam kajian ini.


### Jadual 1.3

#### *Penerangan Disiplin STEM Bagi Modul i-Lab*

<b>S (Science)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelajar mendalami pengetahuan kandungan Fizik</li></ul>
<b>T (Technology)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Inovasi atau produk (produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan masalah Projek STEM) yang dapat menyelesaikan masalah</li><li>• Teknologi kontemporari seperti <i>ICT</i> dapat dimanfaatkan untuk berkomunikasi, bekerjasama, menyelesaikan masalah (pembelajaran Modul i-Lab interaktif menggunakan komputer)</li></ul>
<b>E (Engineering)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelajar sebagai jurutera bekerjasama untuk mengumpulkan pendapat untuk menyelesaikan masalah.</li><li>• Pelajar mendalami pengetahuan kandungan dan matematik serta pemikiran kejuruteraan</li></ul>
<b>M (Mathematics)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelajar mendalami pengetahuan kandungan matematik serta pengiraan matematik</li></ul>

Adaptasi daripada (Lay & Kamisah Osman, 2018)

Rajah 1.2 pula merupakan kerangka teoritikal bagi Pembangunan Modul Makmal Interaktif i-Lab Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM yang menggunakan Teori Konstruktivisme dan Teori Konstruktionisme bagi mendasari kajian serta turut mengaplikasikan Model Reka Bentuk Pengajaran Isman dan Model Pengajaran 5E bagi proses pembangunan Modul i-Lab.



Rajah 1.2. Kerangka Teoritikal Kajian



## 1.9 Kerangka Konseptual


Kerangka Konseptual merupakan satu rajah yang memberikan gambaran keseluruhan kajian, serta memandu penyelidik untuk menyelesaikan masalah kajian dan memudahkan penyelidik mengesan hubungan antara beberapa pemboleh ubah kajian (Drew & Watkins, 1998). Dalam kajian ini, sampel dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan (pembelajaran menggunakan Modul i-Lab) dan kumpulan kawalan (pembelajaran modul tradisional dengan bimbingan guru; T-Lab). Dalam kajian ini terdapat dua pemboleh ubah bersandar iaitu pencapaian dan kemahiran berfikir kreatif pelajar. Rajah 1.3 merupakan kerangka konseptual bagi Pembangunan Modul Makmal Interaktif i-Lab Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM.



Berdasarkan Rajah 1.3, terdapat dua modul amali Fizik yang diaplikasikan iaitu Modul i-Lab dan modul tradisional. Modul tradisional bagi kumpulan rawatan (T-Lab) merupakan modul pembelajaran dengan bimbingan guru yang merangkumi isu dan situasi permasalahan, nota ringkas, prosedur amali, serta kuiz. Manakala, bagi kumpulan rawatan pula, pembelajaran secara kendiri melalui Modul i-Lab dilaksanakan dengan menggunakan isu dan situasi permasalahan, nota interaktif melalui animasi serta video *powtoon*, prosedur dan video demonstrasi amali disediakan, kuiz dengan maklum balas serta Projek STEM.



## PEMBANGUNAN MAKMAL INTERAKTIF (i-Lab) FIZIK BERTERASKAN STEM



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian



## 1.10 Kepentingan Kajian

Makmal Interaktif i-Lab Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM merupakan satu modul yang lengkap dengan pembelajaran teori dan amali Fizik. Modul i-Lab turut mengintegrasikan pendekatan STEM melalui Projek STEM Modul i-Lab di samping mempunyai kuiz dengan maklum balas. Kajian ini turut menguji keberkesanan Modul i-Lab terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir kreatif pelajar. Kajian ini dapat memberikan kepentingan terhadap beberapa aspek khususnya terhadap pelajar, guru, serta organisasi.



### 1.10.1 Pelajar

Modul i-Lab terdiri daripada enam subtajuk KSSM Fizik merupakan suatu media pengajaran dan yang dapat memberi kepentingan bagi pelajar memahami pembelajaran teori dan amali Fizik. Modul i-Lab menerapkan beberapa jenis maklum balas yang membantu pelajar menjadi aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, pelajar dapat belajar secara kendiri melalui modul ini dan mereka akan mendapat maklum balas bagi setiap soalan atau kuiz yang dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman terhadap pembelajaran teori dan amali Fizik. Pembelajaran modul dengan pendekatan maklum balas amat penting kepada pelajar bagi meningkatkan kefahaman terhadap sesuatu pembelajaran kendiri yang dialami (Anderson et al., 1971, 1972; Kulhavy et al., 1979). Dalam usaha untuk menghasilkan





pelajar yang kreatif dan inovatif, pembelajaran berdasarkan projek perlulah digabungkan dan diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran berteraskan STEM (Nurjannah Ambo et al., 2018). Oleh yang demikian, projek STEM yang terdapat dalam Modul i-Lab akan dapat menghasilkan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir kreatif serta dapat menyelesaikan masalah terhadap sesuatu situasi yang diberikan. Selain itu, melalui Modul i-Lab dapat memudahkan pelajar menjalankan amali fizik (*hands on*) melalui video demonstrasi amali yang telah disediakan di samping dapat meningkatkan pencapaian amali pelajar (Angeli, 2013; Kok, 2017). Secara keseluruhan, Modul i-Lab dapat memberikan kepentingan kepada pelajar dari aspek pembelajaran teori Fizik, pembelajaran amali Fizik, pembelajaran berdasarkan projek STEM di samping dapat meningkatkan kemahiran berfikir kreatif pelajar.



### 1.10.2 Guru

Projek STEM yang diaplikasikan daripada Teori Konstruktivisme dan Teori Konstruktionisme dapat memberi kepentingan kepada guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan bersama pelajar. Melalui pengaplikasian Teori Konstruktivisme serta Teori Konstruktionisme akan dapat menghasilkan pembelajaran yang berkesan oleh guru terhadap pelajar (Alanazi, 2016). Modul i-Lab lengkap dengan nota interaktif teori Fizik, video demonstrasi amali Fizik, kuiz dengan maklum balas serta projek STEM dapat dijadikan bahan pengajaran guru bersama pelajar dan dapat membantu guru yang menghadapikekangan masa pengajaran (Azlina Mazlan, 2018).





Di samping itu, Modul i-Lab mengandungi projek STEM yang dapat menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran STEM Fizik. Projek STEM yang terdapat dalam Modul i-Lab yang berteraskan Model 5E oleh (Bybee, 2019) dapat dijadikan bahan pengajaran STEM bagi para guru dan sekaligus dapat membantu guru yang mengalami kekangan bagi mendapatkan bahan pengajaran dan pembelajaran STEM yang terhad (Azian Tengku Syed Abdullah, 2015; Nur Rosliana Mohd Hafiz & Shahrul Kadri Ayop, 2020) serta dapat membantu guru yang mempunyai permasalahan yakni tidak mempunyai kepakaran untuk menjalankan aktiviti pembelajaran berdasarkan projek STEM (Nur Rosliana Mohd Hafiz & Shahrul Kadri Ayop, 2020; Nur Farhana Ramli & Othman Talib, 2018). Selain itu, pengembangkan Model 5E yang digunakan dalam kajian ini yang amat sesuai diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran STEM bersama pelajar iaitu pelajar belajar dengan berusaha memahami sesuatu secara kendiri dan tugas guru sebagai fasilitator untuk menolong mereka sepanjang proses pembelajaran (Rafon & Mistades, 2020).

### 1.10.3 Kementerian Pendidikan Malaysia

Modul i-Lab merupakan modul yang mengandungi pembelajaran teori Fizik, amali Fizik serta projek STEM. Modul i-Lab juga dikatakan unik kerana setiap komponen dan elemen dikembangkan dengan persetujuan pakar dalam bidang pendidikan Fizik. Modul i-Lab juga akan dapat memberi sumbangan bahan pembelajaran modul amali serta mengintegrasikan pendidikan STEM kepada Kementerian Pendidikan Malaysia





bagi mengatasi masalah kekurangan bahan dan sumber pengajaran dan pembelajaran STEM yang terhad ( Azian Tengku Syed Abdullah, 2015; Nur Rosliana Mohd Hafiz & Shahrul Kadri Ayop).

## 1.11 Definisi Istilah

Definisi istilah merupakan istilah penting yang terlibat dalam kajian terutama konsep kajian yang perlu dinyatakan dengan jelas. Dengan itu takrifan istilah hanya merujuk kepada konteks kajian sahaja dan ia perlu dinyatakan dengan jelas untuk kefahaman pembaca (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999). Berikut diterangkan beberapa definisi istilah utama yang digunakan bagi tujuan penulisan dalam kajian terhadap



keberkesanan Modul i-Lab. Antara istilah yang digunakan ialah:

### 1.11.1 Modul Pembelajaran Kendiri

Suatu modul pembelajaran kendiri merupakan satu unit pembelajaran yang berpusatkan pelajar serta aktiviti pengajarannya dirancang bagi membantu pelajar mencapai sesuatu objektif pembelajaran (Goldschmid & Goldschmid, 1973). Menurut Ariefiani et al., (2016) modul pembelajaran kendiri merupakan suatu bahan pengajaran dan pembelajaran yang lengkap terdapat dalam modul bagi membolehkan pelajar berdikari. Dalam kajian ini, pembelajaran kendiri merujuk kepada pembelajaran Modul i-Lab





secara kendiri bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan dan berpusatkan pelajar dan guru hanya bertindak sebagai fasilitator.

### 1.11.2 Modul i-Lab

Modul i-Lab merupakan satu modul pembelajaran kendiri dan berpusatkan pelajar yang merangkumi enam subtajuk KSSM Fizik tingkatan empat iaitu Penyiasatan Saintifik, Jisim dan Inersia, Nilai Pecutan Graviti, Muatan Haba Tentu Air, Muatan Haba Tentu Aluminium serta Pembiasan Cahaya. Modul i-Lab Fizik terdiri daripada pembelajaran teori dan amali Fizik, projek STEM lengkap dengan maklum balas. Maklum balas diterapkan kedalam Modul i-Lab bagi pelajar mengetahui sama ada betul mahupun salah terhadap jawapan ataupun penyelesaian masalah yang telah dilaksanakan oleh pelajar. Setiap jawapan bagi kuiz diberikan penerangan ataupun bimbingan bagi memudahkan pelajar memahami sesuatu penyelesaian terhadap kuiz serta soalan yang mereka jalankan.





### 1.11.3 Modul Tradisional (T-Lab)

Modul tradisional T-Lab dalam kajian ini merujuk kepada proses pembelajaran yang terdiri daripada enam tajuk KSSM Fizik tingkatan empat iaitu Penyiasatan Saintifik, Jisim dan Inersia, Nilai Pecutan Graviti, Muatan Haba Tentu Air, Muatan Haba Tentu Aluminium serta Pembiasan Cahaya dengan menggunakan modul tradisional dengan bimbingan guru Fizik. Guru menjelaskan topik yang terdapat dalam Modul T-Lab serta membuat perbincangan bersama pelajar. Pelajar melakukan semua tugas yang diberikan oleh guru serta menjalankan amali Fizik.



### 1.11.4 Projek STEM

Projek STEM merupakan satu aktiviti berorientasikan pendekatan STEM iaitu Pembelajaran Berasaskan Projek sebagai aplikasi kepada standard kandungan KSSM Fizik Tingkatan Empat. Projek STEM membolehkan pelajar menyelesaikan permasalahan sebenar melalui kerja projek dan membina kreativiti pelajar dengan mereka cipta sesuatu produk. Pelajar didedahkan dengan suatu isu untuk mereka selesaikan dan menghasilkan suatu produk yang dapat menyelesaikan isu tersebut dan dapat berfikir kreatif bagi menghasilkan sesuatu produk ringkas yang berguna bagi masyarakat sejagat.





## 1.12 Definisi Operasional

Berikut diterangkan beberapa definisi operasi yang digunakan dalam kajian terhadap keberkesanan Modul i-Lab. Antara definisi operasi yang digunakan ialah:

### 1.12.1 Keberkesanan

Keberkesanan membawa maksud tahap penerimaan sesuatu konsep atau kaedah pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ia juga merujuk kepada suatu tindakan atau hasil yang menyebabkan sesuatu perubahan yang positif (Noraziah Ramli, 2016). Keberkesanan dalam kajian ini dapat diukur melalui pencapaian pelajar (pencapaian teori dan amali Fizik) serta kemahiran berfikir kreatif bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang terdapat dalam projek STEM.

### 1.12.2 Pencapaian

Salah satu cara menguji keberkesanan Modul i-Lab Fizik adalah terhadap pencapaian pelajar. Pencapaian juga merupakan sesuatu perkara yang berjaya dilakukan dengan usaha dan kemahiran (Hazimah Ashamuddin et al., 2019). Pencapaian pelajar dalam kajian ini merujuk kepada pencapaian teori Fizik dan pencapaian amali Fizik.





### 1.12.2.1      **Pencapaian Teori Fizik**

Menurut Kok (2017) pencapaian pelajar boleh dilihat melalui pelbagai aspek dan salah satunya melalui perbezaan skor ujian pasca dan ujian pra. Pencapaian teori Fizik dalam kajian ini diukur daripada perbezaan skor ujian pasca dan skor ujian pra bagi pelajar kumpulan rawatan (pelajar yang mengalami pembelajaran Modul i-Lab) dan kumpulan kawalan (pelajar yang mengalami pembelajaran T-Lab) menerusi instrumen ujian pencapaian teori Fizik.

### 1.12.2.2      **Pencapaian Amali Fizik**



Pencapaian amali dalam kajian ini merujuk kepada pencapaian amali pelajar. Pencapaian amali bagi kajian ini diukur bagi pelajar kumpulan rawatan (pelajar yang mengalami pembelajaran Modul i-Lab) dan kumpulan kawalan (pelajar yang mengalami pembelajaran T-Lab). Skor pencapaian amali Fizik pelajar diperoleh melalui instrumen pelaporan amali berdasarkan panduan pentaksiran kemahiran saintifik (PKS) Fizik yang telah disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.





### 1.12.3 Kemahiran Befikir Kreatif

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2010) kemahiran berfikir kreatif membawa maksud kemahiran mereka cipta dan mengembangkan sesuatu idea.

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM (2018) kemahiran berfikir kreatif merupakan keupayaan pelajar untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu bahan ataupun produk melalui aplikasi teori dan konsep yang telah dipelajari serta menggunakan daya imaginasi dan berfikir di luar kotak bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan. Kemahiran berfikir kreatif bagi kajian ini merupakan kreativiti pelajar untuk mereka cipta sesuatu produk bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang telah diberikan dalam Projek STEM. Kemahiran berfikir kreatif dalam kajian ini merujuk kepada skor yang diperoleh hasil daripada pemarkahan terhadap reka cipta produk yang telah dijalankan oleh pelajar secara berkumpulan bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan ataupun situasi yang diberikan. Skor ini diberikan oleh guru Fizik berdasarkan rubrik penilaian (Skala *Likert* 4 mata) terhadap prototaip yang telah dibangunkan oleh pelajar melalui instrumen penilaian Projek STEM berdasarkan BSTEM Fizik yang telah disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM.

### 1.12.4 Kesahan Modul

Mohd Majid Konting (1990) dan Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad (2005) mendefinisikan kesahan sesuatu alat ukuran adalah merujuk sejauh mana alat tersebut





dapat mengukur data yang sepatutnya. Dalam kajian ini, kesahan modul merujuk kepada kesahan muka dan kesahan kandungan Modul i-Lab. Menurut (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2016) kesahan muka merujuk kepada beberapa orang pakar yang dilantik dalam bidangnya bagi mengesahkan alat pengukuran yang dibina mewakili konstruk yang diukur termasuk ketepatan penggunaan bahasa dan ejaan frasa ayat. Manakala, kesahan kandungan merujuk kepada sejauh alat pengukuran yang dibina mewakili semua aspek yang hendak diuji serta menepati kandungan bidang yang ingin dikaji (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Kesahan Modul i-Lab adalah berdasarkan penilaian pakar yang telah dilantik dan diukur melalui soal selidik kesahan Modul i-Lab yang menggunakan skala *Likert 5* mata.



### 1.12.5 Kebolehgunaan Modul

Kebolehgunaan didefinisikan sebagai sejauh mana produk yang dibangunkan dapat memenuhi tujuannya dari aspek keberkesanan, kepuasan dan kecekapan pengguna (Azham Hussain et al., 2015). Kebolehgunaan bagi kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap kebolehgunaan Modul Makmal Interaktif (i-Lab) Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM dari aspek konstruk reka bentuk modul, pedagogi, kualiti kandungan modul dan pembelajaran kendiri Modul i-Lab terhadap pandangan pengguna iaitu guru dan juga pelajar. Konstruk reka bentuk modul merujuk kepada paparan, teks, visual dan menu pada Modul i-Lab mudah difahami dan jelas. Manakala konstruk pedagogi pula merujuk kepada strategi pengajaran Modul i-Lab yang dapat





meningkatkan kefahaman pelajar terhadap pembelajaran teori dan amali Fizik. Konstruk kualiti kandungan modul pula merujuk kepada kandungan Modul i-Lab yang dapat mencapai objektif pembelajaran dan bahan-bahan pembelajaran yang terdapat dalam Modul i-Lab sesuai kepada pengguna. Konstruk pembelajaran kendiri merujuk kepada kesesuaian Modul i-lab untuk dijadikan modul pembelajaran kendiri oleh pengguna. Kebolehgunaan Modul i-Lab diperoleh nilai persetujuannya melalui Soal Selidik Kebolehgunaan Modul Makmal Interaktif (i-Lab) Fizik Tingkatan Empat Berteraskan STEM dengan menggunakan skala *Likert 5* mata.

### 1.13 Pengorganisasian Tesis



Kajian ini mengandungi enam bab kesemuanya. Bab pertama secara umumnya merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah yang mencetuskan terhasilnya kajian ini dan tujuan kajian ini dilaksanakan. Bab pertama turut membincangkan secara terperinci objektif bagi kajian ini, persoalan kajian serta hipotesis kajian. Kerangka teoritikal, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan definisi operasi turut diterangkan dalam bab pertama.

Bab dua akan merangkumi kajian literatur berkaitan isu yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran Fizik iaitu permasalahan yang terdapat dalam pembelajaran amali Fizik, kepentingan pembelajaran amali serta kaedah-kaedah bagi menjalani pembelajaran amali. Bab ini juga turut menekankan pendekatan STEM





dalam pengajaran dan pembelajaran serta strategi pengajaran STEM. Melalui bab ini juga telah dijalankan kajian literatur terhadap teori serta model yang sesuai bagi mendasari kajian ini.

Seterusnya, bab tiga kajian ini akan memfokuskan kepada proses pembangunan Modul i-Lab berdasarkan fasa-fasa yang terdapat dalam Model Reka Bentuk dan Pengajaran Isman bermula daripada fasa input, fasa proses, fasa output, fasa maklum balas dan fasa pembelajaran.

Bab empat kajian ini merupakan bab metodologi kajian yang merangkumi kaedah bagaimana suatu kajian dijalankan bagi menjawab persoalan kajian. Bab ini akan membincangkan metodologi kajian seperti reka bentuk kajian, populasi, instrumen, prosedur, kajian rintis, kajian lapangan serta penganalisan data kajian.

Bab lima merupakan bab dapatan kajian. Bab ini akan membincangkan analisis data secara terperinci berdasarkan setiap objektif kajian yang telah ditetapkan dalam bab yang sebelum ini.

Bab yang terakhir bagi kajian ini ialah bab enam. Bab enam kajian ini merupakan bab perbincangan, kesimpulan dan cadangan kajian lanjutan. Bab ini turut membincangkan implikasi kajian, sumbangan kajian serta cadangan kajian pada masa hadapan.





## 1.14 Rumusan

Bab satu telah memberi pendedahan terhadap situasi pembelajaran Fizik di Malaysia iaitu terdiri daripada pembelajaran teori dan amali Fizik serta pembelajaran berteraskan STEM di Malaysia. Bab ini turut menyatakan permasalahan pembelajaran amali Fizik pada masa kini serta kekurangan pembelajaran teori dan amali Fizik berteraskan STEM. Bab ini juga telah menetapkan tujuan, objektif, persoalan dan hipotesis kajian ini berdasarkan permasalahan serta isu yang telah dinyatakan. Bab seterusnya iaitu bab dua akan meneliti permasalahan ini secara teliti berdasarkan kajian penyelidik terdahulu melalui tinjauan literatur.

